



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KERAJAAN BERSETUJU MENERUSKAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BESTARI JAYA BAGI PENEMPATAN SEMULA 245 KELUARGA PENEROKA ESTET GETAH DI SELANGOR

KUALA SELANGOR, 6 Mei 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mengumumkan bahawa Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju dengan cadangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bestari Jaya, Tanjung Karang dalam satu Sidang Media bertempat di Kuala Selangor pada pagi ini.

Turut hadir bersama adalah EXCO Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan, YB Tuan Papparaidu A/L Veraman yang mewakili Menteri Besar Selangor dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad.

Projek PPR ini telah mendapat kerjasama dengan pihak Berjaya Corporation Berhad melalui **sumbangan tanah seluas 20 ekar** di Lot 25, Ladang Sungai Tinggi, Mukim Bestari Jaya, Kuala Selangor, Selangor kepada KPKT. Ia bertujuan bagi **penempatan semula 245 keluarga peneroka estet getah** yang bekerja di lima (5) ladang di Batang Berjantai iaitu Ladang Mary, Ladang Nigel Garder, Ladang Bukit Tagar, Ladang Sungai Tinggi dan Ladang Minyak.

Pelaksanaan projek PPR Bestari Jaya, Tanjung Karang ini telah pun diluluskan pada tahun 2018, namun berikutan penetapan hala tuju baru kerajaan semasa, projek PPR ini perlu ditender semula secara tender terbuka bagi tujuan pembangunan projek PPR berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, sehingga kini isu ini masih tidak dapat diselesaikan sehingga terdapat pekerja ladang yang terpaksa diusir daripada menetap di rumah sedia ada tersebut dan terpaksa mencari tempat berteduh dalam kalangan saudara mara. Rasa keprihatinan dengan nasib peneroka estet getah ini, **KPKT telah meneliti kembali permohonan pembinaan rumah untuk 245 pekerja ladang yang terkesan** itu melalui kerjasama strategik bersama pihak Berjaya Corporation Berhad.

Justeru, **Kerajaan MADANI** di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim **bersama Kerajaan Negeri Selangor** telah memperuntukkan sebanyak **RM75 juta** bagi menjayakan projek tersebut. Selain itu, KPKT juga sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya dalam menggalas tanggungjawab menyediakan perumahan mampu milik demi kesejahteraan dan keselesaan rakyat negara ini.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

